

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL 6/2003

PENTAKRIFAN SEMULA ISTILAH “WARIS TERDEKAT” DALAM URUSAN PINDAHMILIK TANAH YANG TERDAPAT SEKATAN KEPENTINGAN DI BAWAH SEKSYEN 120 KTN 1965

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan istilah “Waris Terdekat” dalam urusan pindahmilik tanah yang mempunyai sekatan kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara, 1965.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan semasa menimbang kertas MMK Bil.2/64/94 (40) telah bersetuju agar pemberianmilik tanah hendaklah dikenakan sekatan-sekatan kepentingan tertentu. Garis panduan bagi mengenakan sekatan-sekatan kepentingan tersebut adalah sebagaimana Pekeliling PTG Bil.1/1994. Antara sekatan kepentingan yang digariskan ialah seperti diperenggan 3(a)(2) & (3) Pekeliling tersebut yang menyatakan :-
 - “ 2. Tidak boleh membuat pindahmilik dalam tempoh 10 tahun daripada pendaftaran pindahmilik pertama”,

 - “ 3. Tempoh sekatan pindahmilik selama 10 tahun yang dikenakan dalam (2) di atas dikecualikan bagi pindahmilik kepada *waris terdekat* dan dalam keadaan-keadaan tertentu yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.”

3. Pekeliling PTG Bil.4/1994 telah dikeluarkan bagi menjelaskan takrif “waris terdekat” berdasarkan kepada kaedah Taasib dalam ilmu Faraidh. Walaubagaimanapun, takrif “waris terdekat” yang digaris dalam Pek.Bil.4/1994 ini didapati tidak sesuai untuk digunakan bagi urusan pindahmilik tanah dan tidak menggambarkan kehendak sebenar penganan sekatan kepentingan tersebut. Keadaan ini telah menimbulkan kesulitan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah dalam menentukan waris terdekat yang dimaksudkan.

4. Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas MMK Bil.21/1236/2003(3) dalam persidangan pada 15hb.Oktober 2003, telah bersetuju supaya :-
 - 4.1 Pindahmilik kepada waris terdekat termasuklah urusan pindahmilik seperti berikut :-
 - a) Pindahmilik daripada suami kepada isteri, atau sebaliknya,
 - b) Pindahmilik kepada anak-anak atau cucu,
 - c) Pindahmilik kepada ibubapa atau datuk/nenek.

5. Pekeliling PTG Bil.4/1994 masih digunakan apabila tidak melibatkan urusan-urusan pindahmilik sebagaimana di para 4.1. di atas.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

.....
(Abdul Halim Bin Hj.Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.
FAIL: PTG. KN.4485/1 Jld.2 (10)
BERTARIKH : 02HB. DISEMBER 2003**

